

### DS 5.3: Cadangan Menaik Taraf Jeti Penumpang Di Pulau

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Memastikan jadual ketibaan dan pelepasan feri tidak terganggu.
- Membolehkan bilangan platform jeti ditambah dan meningkatkan jumlah kedatangan pelancong luar.
- Membolehkan masyarakat desa di kawasan pulau menerima kemudahan pengangkutan bagi keperluan aktiviti harian.

##### Komponen Cadangan:

- Menaiktaraf jeti sedia ada yang berasaskan kayu kepada bentuk konkrit.
- Menyediakan platform feri yang mencukupi bagi membolehkan penumpang dan pelancong tidak perlu menunggu dalam jangka masa yang lama.
- Menyediakan papan informasi jadual pelepasan dan ketibaan feri di jeti pulau.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama pihak kerajaan dan swasta.
- Pengiraan kos penambahan platform dan menaik taraf jeti.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **11 kampung**.  
(Sila rujuk Jadual 5.40)


#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pejabat Daerah</li> <li>• Jabatan Laut Malaysia</li> <li>• Pihak Berkuasa Tempatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jabatan Laut Malaysia</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Kos Menaik taraf Jeti = RM 2,000,000
- Jumlah Jeti Keseluruhan = 3 Jeti

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 6,000,000**



## Penemuan Strategik

Cadangan inisiatif **menaik taraf jeti pulau sedia ada** adalah melibatkan **penemuan strategik** bagi mencapai perancangan **Desa Sejahtera**. Perincian penemuan adalah sebagaimana berikut:

- Kawasan jeti di pulau tidak memiliki jeti penumpang konkrit dan keadaan jeti berada dalam keadaan kurang baik.
- Kawasan jeti pulau tidak menyediakan kemudahan asas seperti kawasan menunggu yang berbumbung.
- Jadual perjalan feri tidak dipaparkan di kawasan jeti tersebut.
- Jeti penumpang di kawasan pulau tersebut tidak menyediakan platform feri yang baik dan sistematik.



Foto: Antara keadaan semasa jeti di kawasan Pulau Aur, Pulau Tinggi dan Pulau Pemanggil.

## Daerah Mersing

Berdasarkan penemuan semasa bagi pengangkutan air di daerah Mersing, terdapat dua (2) terminal penumpang iaitu terminal jeti Penumpang Mersing dan terminal jeti penumpang Tunjuk Laut. Kedua – dua terminal feri ini menghubungkan ke pulau – pulau di sekitar Mersing sebagai contoh Pulau Tioman, Pulau Aur, Pulau Besar, Pulau Pemanggil dan Pulau Tinggi.

Kemudahan terminal jeti penumpang ini juga menjadi mod pengangkutan utama masyarakat desa yang menetap di kawasan pulau. Terminal jeti penumpang di kawasan Mersing ini berada dalam keadaan yang baik dan sistematik berikutan lengkap dengan kemudahan dan prasarana bagi pengguna jeti tersebut. Namun begitu, keadaan jeti penumpang di kawasan pulau berada pada tahap yang kurang baik.

Cadangan menaik taraf jeti penumpang di kawasan pulau ini melibatkan tiga (3) buah jeti iaitu jeti Pulau Aur, jeti Pulau Tinggi dan jeti Pulau Pemanggil. Keadaan semasa jeti tersebut adalah kurang baik berikutan jeti tersebut hanya dibina menggunakan kayu dan jeti Pulau Aur kelihatan usang dan kurang kukuh.

Cadangan menaik taraf jeti ini adalah dengan kaedah menukar jeti kayu kepada jeti konkrit berbumbung yang dapat memberi keselesaan kepada pengguna iaitu masyarakat desa dan pelancong luar.

Penyediaan jeti konkrit berbumbung ini juga akan dapat memberikan keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna jeti tersebut. Selain itu, cadangan menaik taraf ini juga merangkumi penambahan platform feri dan jadual perjalan feri. Dengan penambahan platform di jeti tersebut akan membolehkan lebih banyak feri untuk dikendalikan di dalam satu masa yang sama.

Jeti penumpang ini juga akan dilengkapi kawasan menunggu dan jadual perjalan feri bagi memberi keselesaan kepada penumpang terutama pelancong luar. Dengan adanya naiktaraf seperti ini, ianya akan dapat menarik lebih ramai pelancong luar dan menambah jumlah kedatangan pelancong dari luar.

Justeru, dengan adanya cadangan ini, jumlah pelancong luar akan bertambah, ekonomi masyarakat setempat akan meningkat dan mengurangkan masa menunggu bagi penumpang. Masyarakat desa di kawasan tersebut juga akan dapat menggunakan perkhidmatan feri tersebut sebagai mod pengangkutan utama untuk penduduk tersebut.

### Keadaan Semasa Rangkaian Jalan



Foto: Keadaan Semasa Jeti Kayu Pulau Aur

**Jeti Kayu Pulau Aur** menyediakan perkhidmatan feri kepada penduduk dan pelancong luar. Cadangan menaik taraf jeti kayu ini akan memberi keselesaan kepada pengguna dan penduduk desa kawasan tersebut.



Foto: Keadaan Semasa Jeti Kayu Pulau Tinggi


**Jeti Kayu Pulau Aur** menyediakan perkhidmatan feri kepada penduduk di kawasan pulau tersebut. Cadangan menaik taraf desa ini akan dapat menaik taraf kualiti hidup dan memudahkan pergerakan penduduk.

Jadual 5.40: Senarai Cadangan Menaik Taraf Jeti Pulau Daerah Mersing

<b>CADANGAN LOKASI</b>		
Kampung	Senarai Jeti	Jumlah Kampung Terlibat
Kampung Buau	Jeti Kayu Pulau Pemanggil	5 Buah Kampung
Kampung Sulit		
Kampung Nelayan		
Kampung Pontianak		
Kampung Pak Koleh		
Kampung Teluk Berhala	Jeti Kayu Pulau Aur	3 Buah Kampung
Kampung Teluk Sebukang		
Kampung Teluk Meriam		
Kampung Sebirah	Jeti Kayu Pulau Tinggi	3 Buah Kampung
Kampung Pasir Panjang		
Kampung Tanjung Balang		
<b>Jumlah</b>		<b>11 Buah Kampung</b>

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Rajah 5.28 : Cadangan Menaik Taraf Jeti Pulau Daerah Mersing



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

**PETUNJUK :**

- Taburan Kampung
- ★ Cadangan Menaik Taraf Jeti Pulau
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut

1.0 PENGENALAN

2.0 PROFIL DESA

3.0 HALA TUJU

4.0 DESA MAMPUAN

5.0 DESA SEJAHTERA

6.0 DESA PRIHATIN

7.0 DESA MAMPAK

8.0 DESA PINTAR

9.0 PENGURUSAN